

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 28 MAC 2016 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Cuaca panas: terus kurangkan aktiviti luar	Utusan Malaysia
2.	Heatwave alert for Jasin district	New Straits Times
3.	Rapatkan hubungan sesama kakitangan	Berita Harian
4.	Gilap potensi wanita	Berita Harian
5.	Sistem penapisan air inovatif dilancar	Utusan Malaysia
6.	Penapis air inovasi bebas bakteria	Berita Harian
7.	RM20 juta biayai 77 projek MSI	Utusan Malaysia
8.	Paras air Empangan Timah Tasoh bertahan	Sinar Harian
9.	Kemarau beri kesan pada pertanian	KOSMO
10.	DNA siasat asal usul	Harian Metro

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 28 MAC 2016 (ISNIN)

Cuaca panas: Terus kurangkan aktiviti luar

KUALA LUMPUR 27

Mac - Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi mengingatkan orang ramai untuk terus mengurangkan aktiviti luar dan minum air dalam kuantiti yang banyak berikutan cuaca panas yang masih berlaku ketika ini.

Menterinya, Datuk Seri Madius Tangau berkata, dua kawasan di utara Semenanjung iaitu di Langkawi, Kedah dan Arau, Perlis merupakan tumpuan utama memandangkan kedua-duanya belum menerima hujan sejak lebih sebulan lalu.

“Sehingga pukul 4 petang ini, suhu tertinggi yang direkodkan ialah 37.9 darjah Celcius iaitu di Lubok Merbau, Perak.

“Pada masa sama, sehingga kelmarin, dua kawasan yang telah mencatatkan bilangan hari tanpa hujan ialah di Langkawi iaitu selama 41 hari manakala di Arau, Perlis selama 36 hari,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Cuaca panas melampau yang melanda beberapa negeri di seluruh negara sejak lebih sebulan lalu menyebabkan beberapa buah sekolah di Kedah dan Perlis terpaksa ditutup.

Berikutan keadaan cuaca panas, orang ramai diingatkan mengambil langkah-langkah pencegahan untuk mengelak daripada serangan masalah kesihatan seperti kelesuan haba, kekejangan haba dan strok haba.

Heatwave alert for Jasin district

MALACCA: The state government is reminding the public to take precautionary measures as the Jasin district reached the heatwave alert level on Saturday.

State Health, Sports Development and Anti-Drugs Committee chairman Datuk Ab Rahaman Ab Karim said he received reports of Jasin district recording temperatures of between 35°C and 37°C for three consecutive days as of Saturday.

"Following the report, we advise the public to avoid exposure to the sun and drink more water. Those with asthma, fever, or cough should seek immediate treatment," he said here yesterday.

The Melaka Tengah district registered highs of 35.3°C, while Alor Gajah district recorded highs of 36.8°C on Saturday.

A Level-2 alert is issued when the maximum temperature exceeds 37°C for three consecutive days. The Science, Technology, and Innovation Ministry will then declare a heatwave so that the authorities can take action, such as closing schools.

A Level-3 alert is issued when temperatures exceed 40°C for three consecutive days. The National Disaster Management Agency will then step in and the prime minister will declare a state of emergency.



Noorul Ainur

Rapatkan hubungan sesama kakitangan

Sambutan Hari Wanita Sedunia wajar diadakan bagi memberi pengiktirafan golongan Hawa terhadap sumbangan mereka dalam pelbagai bidang termasuk sains, teknologi dan inovasi.

Noorul Ainur berkata, masih ramai wanita khususnya di MOSTI yang rasa agak bimbang dengan bidang tugas di kementerian itu yang mereka anggap sebagai serius.

Sebaliknya, beliau berkata menerusi sambutan itu ia sekali gus dapat merapatkan hubungan silaturahim dan mendekatkan kakitangan lain dengan lebih dekat lagi.

"Saya sengaja mengadakan majlis sambutan ini kerana kebanyakan pekerja wanita yang kita ada, sibuk dengan tugas masing-masing. Mereka menjalankan kajian dan lama berada di dalam makmal.

"Pada saya keadaan itu sangat tidak sihat, apatah lagi kesibukan kerja membataskan hubungan mereka. Malah saya percaya ramai pekerja wanita tidak mengenali rakan sekerja di agensi lain di bawah kementerian ini," katanya.

Tanam seronok bekerja

Noorul Ainur yang sebelum ini lama berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mahu tenaga kerja wanita seronok bekerja, selain dapat memupuk hubungan mesra sesama mereka.

"Apabila berkerja kita perlu berasa seronok. Keseronokan itu membawa erti kepada kita, bukan saja kepada diri sendiri, tetapi keluarga dan majikan. Apabila seronok, kita bekerja lebih ikhlas dan keikhlasan itulah yang memancarkan kualiti dalam kerja," katanya.

KERATAN AKHBAR BERITA HARIAN (FAMILI) : MUKA SURAT 13 TARIKH : 28 MAC 2016 (ISNIN)

Peserta hadir pada Forum Wanita dan Sains MOSTI sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2016.
FOTO: ISTIANE ABDEL, SIP, KUTY, BH

Wanita berjaya dan boleh dicontohi golongan Datin Paduka Khatijah Yusoff

Oleh Nor Afzan Mohamed Yusoff
afzan@bh.com.my

Wanita masih kurang menceburi bidang sains, teknologi dan inovasi berbanding lelaki berpunca daripada salah tanggapan bahawa ia bukan kerjaya sesuai untuk golongan itu.

Ketika ini, rata-rata kerjaya terhad di dominasi oleh lelaki, lantas peluang wanita meriwayah jawatan tertinggi dalam bidang itu agak tipis.

Penasihat Pembangunan Keu-

» Kewibawaan lebih terserlah jika bijak guna peluang untuk rebut jawatan tinggi

Gilap potensi wanita

sahawanan dan Iktisasa Wanita di Jabatan Perdana Menteri (JPM). Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata wanita seharusnya berani tampil ke depan dan bukannya berpusat dengan pencapaian dipereh.

Katanya, asas kejayaan berpunca daripada sikap wanita itu sama ada mahu menyalut cabaran atau sebaliknya sehingga menjejaskan potensi mereka sebagai golongan pembuat dasar.

"Lakukan setiap tugasan dengan ikhlas dan beribawa kerana hasil kerja kita itu yang mencerminkan kualiti kita matrik sebagai pekerja dan layak atau tidak untuk menjadi ketua," katanya, pada Majlis Sambutan Hari Wanita anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), di ibu negara hari-baru ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Seri Dr Noorol Ainur Mohd Nur.

Manfaat masa dan tenaga
Shahrizat berkata, berada dalam dunia kerjaya yang didominasi lelaki tidak seharusnya melemahkan sifat kewarasan walau-

pun golongan itu dilihat gemar tampil bergaya.

"Apabila saya kata tampil bergaya, ia tidak hanya cantik bersolek, sebaliknya mencakupi juga aspek penjagaan gaya berpakaian yang sopan dan menjaga kesihatan serta bentuk tubuh," katanya.

Beliau menegaskan, lebih penting sebagai pekerja, wanita perlu melaksanakan amanah dengan sempurna selagi diberi peluang kerana ia mampu memacu diri mereka ke puncak kejayaan.

Kalau individu tidak memanfaatkan peluang diberikan ia akan merugikan masa dan tenaga tanpa sebarang kecenderungan dalam kerjaya.

"Kita rasa puas kalau kita lalaz kerjaya, tetapi akan rasa sangat rugi apabila kita ada jawatan, kita tidak mampu melakukan sebarang perubahan positif kepada masyarakat dan orang ramai," katanya.

Keluarga pendorong
Menyentuh mengenai bagaimana keluarga mendorong kerjaya, Shahrizat mengambil

Wanita Malaysia masih kurang menceburi bidang sains dan teknologi.

GAMBAR: ISTIANE

contoh dirinya yang sangat bertuah kerana memiliki suami yang memahami tugas beliau sebagai wanita berkerjaya, selain memegang portfolio sebagai menteri penuh sebelum ini. "Tanpa mereka, saya tidak mungkin berada pada kedudukan sekarang," katanya.

Berkongsi pengalaman sebagai bekas Menteri di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, beliau berkata, ia memberikan seribu kepuasan buat dirinya apabila dapat melakukan banyak perubahan untuk memperkasa wanita.

Memiliki latar belakang dalam bidang perundangan, beliau mengakui kadangkala ketar-ketut berdepan dengan badan buikan kerjaya (NGO) dan aktivis terbah dalam kumpulan sasaran kementerian seperti NGO wanita, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas.

Bagaimanapun, semua itu menjadikan beliau semakin berani dan matang dalam menghadapi pelbagai masalah membabitkan golongan sasaran.

"Dulu pun saya tidak faham mengenai maksud gender yang diperkatakan NGO wanita yang memang sangat bising. Bersama mereka, aktivis yang saya sukai sebagai individu yang jujur dan bijak pandai ini, saya belajar dan mulai memahaminya."

Pada saya, untuk menjadi pintar, kita perlu bercampur dengan orang yang bijak pandai kerana kalau kita berkawan dan bercampur dengan kumpulan yang tidak pandai, kita pun jadi kurang bijak," katanya.

Tamalkan ke-fuargan
Shahrizat turut mengingatkan wanita bekerja, bijak membahagikan masa berkualiti bersama keluarga manakala yang bujang, wajar mencari rakan sesuai dengan mereka.

"Kita tidak boleh mengubah diri, tetapi kita berupaya menentukan masa depan kita dengan memilih calon suami yang sesuai. Sekiranya anda mahu melakar kejayaan dalam kerjaya, pilihlah lelaki yang boleh mendorong kejayaan anda," katanya.

"Apabila saya kata tampil bergaya, ia tidak hanya cantik bersolek, sebaliknya mencakupi juga aspek penjagaan gaya berpakaian yang sopan dan menjaga kesihatan serta bentuk tubuh"

Shahrizat Abdul Jalil, Penasihat Pembangunan Kewarasan dan Iktisasa Wanita di JPM

Wanita perlu memanfaatkan peluang yang diberikan.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 28 MAC 2016 (ISNIN)

Sistem penapisan air inovatif dilancar

KUALA KRAU 27 Mac - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi hari ini melancarkan projek perintis sistem penapisan air inovatif yang dapat memberi manfaat terus kepada penduduk setempat khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Projek yang dibangunkan pengusaha tempatan menggunakan teknologi membran itu berupaya menapis air yang tidak dirawat seperti di sungai dan parit sehingga boleh terus diminum.

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) kementerian itu, Datuk Dr. Mohd. Azhar Yahaya berkata, projek penapisan air di bawah program Inovasi Sosial MOSTI (MSI) itu merupakan langkah tepat dalam membantu komuniti yang menghadapi masalah mendapatkan bekalan air bersih.

Kata beliau, sistem penapis air

berkenaan dilihat amat signifikan dalam mengatasi masalah gangguan bekalan semasa kecemasan termasuk ketika berdepan banjir atau kemarau.

"Program MSI mempunyai matlamat yang jelas iaitu membantu kumpulan sasar menikmati faedah langsung daripada aplikasi teknologi dan usaha inovasi ini akan menjadi kritikal atau keperluan mendesak bagi sesetengah tempat yang menghadapi masalah air.

"Kita merancang memperluaskan program ini pada masa akan datang dengan memberi tumpuan kepada kawasan yang memerlukan air," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis penyerahan sistem penapis air inovatif di Kampung Batu Balai, di sini hari ini.

Menurut Mohd. Azhar, pro-

gram MSI yang mula dilaksanakan tahun lalu melibatkan kira-kira 77 projek yang dapat menyelesaikan masalah rakyat seperti pembinaan telaga tiub dan program keusahawanan bagi meningkatkan sosioekonomi penduduk.

Pada tahun ini, kata beliau, program berkenaan akan dilaksanakan secara lebih menyeluruh dengan melibatkan kesemua agensi di bawah kementerian tersebut.

Dalam pada itu, Nor Hasrin berkata, projek yang menelan belanja kira-kira RM100,000 tersebut menggunakan teknologi terkini yang membolehkan air dipam dari kawasan paya berhampiran dan terus dapat diminum.

Katanya, alat penapis yang menggunakan sistem membran berkenaan boleh menapis sehingga 3,000 galen air sehari untuk kegunaan penduduk setempat.

Penapis air inovasi bebas bakteria

Temerloh: Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) memperkenalkan sistem penapis air inovatif yang boleh menghasilkan 450 liter sehari untuk kegunaan lebih 1,000 penduduk.

Penapis hasil inovasi bekas pekerja Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), Nor Hassan Kassim, 50, itu menggunakan kaedah rawatan air yang disedut dari sumber seperti paya, perigi, air bawah tanah dan kolam disalurkan ke sistem penapis air yang mengandungi unsur 'membrane ultra'.

Nor Hassan, berkata air berkenaan akan dirawat menerusi beberapa peringkat iaitu bekas

penapis pertama menghapuskan bakteria diikuti bekas kedua berfungsi mencerna air berkenaan manakala bekas ketiga menghapuskan bau dan warna, sebelum disalurkan ke dalam tangki penyimpanan.

Keistimewaan penapis air

"Penduduk juga boleh menggunakan bekalan air berkenaan tanpa dimasak berikutan air berkenaan bebas ancaman bakteria dan klorin atau bahan penghapus lain.

"Inilah keistimewaan yang ada pada sistem penapis air kerana mampu memenuhi kehidupan masa kini termasuk mengelakkan

sebarang jangkitan penyakit akibat bakteria dalam air," katanya ketika ditemui pada majlis penyerahan sistem penapis air inovatif untuk masyarakat luar bandar di Kampung Batu Balai, Kerdau, dekat sini, semalam.

Katanya, sistem penapis air yang digerakkan menggunakan tenaga elektrik atau generator itu sesuai digunakan di kawasan luar bandar yang menghadapi bekalan air bersih ketika musim tengkujuh atau kemarau.

Beliau berkata, ia boleh menggunakan pelbagai sumber air yang ditapis menggunakan penapis khas yang direka untuk membunuh bakteria.



Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOSTI, Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya (tiga dari kanan) mendengar penerangan Nor Hassan (dua dari kanan) mengenai penapis air inovasi pada majlis perasmian Penapis Air Inovasi di Kampung Batu Balai, Kerdau. [FOTO WAN KEMAT/BH]

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 28 MAC 2016 (ISNIN)

RM20 juta biayai 77 projek MSI

SETIU 27 Mac - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memperuntukkan RM20 juta tahun ini bagi pelaksanaan program Inovasi Sosial MOSTI (MSI) merangkumi pembiayaan 77 projek yang melibatkan agensi-agensi berkaitan sebagai penyedia teknologi.

Melalui MSI itu, ia turut memperkenalkan program Duta Sains dengan Akademi Sains Malaysia yang bertindak selaku pelaksana projek ke arah memperkasa komuniti terutama di luar bandar menerusi sains, teknologi dan inovasi.

Timbalan Ketua Setiausaha kementerian berkenaan, Prof. Madya Dr. Ramzah Dambul berkata, bagi peringkat awal, empat kawasan Parlimen telah dipilih sebagai projek perintis program Duta Sains tersebut.

Jelas beliau, empat kawasan itu ialah Parlimen Jerlun, Kedah; Par-

limen Setiu, Terengganu; Parlimen Tangga Batu, Melaka dan Parlimen Tuaran, Sabah.

"Program MSI ini termasuk Duta Sains antara lain untuk mendekati rakyat di peringkat akar umbi dalam usaha menyelesaikan permasalahan mereka selain membantu menjana kekayaan melalui produk yang boleh dikomersialkan.

"Pada masa ini, kita tahu kesedaran rakyat terhadap kepentingan sains semakin menurun dan adalah penting untuk kita kembalikan minat mereka bermula daripada kalangan pelajar," katanya selepas merasmikan Karnival Sains Setiu Bagi Program Inovasi Sosial MOSTI - Duta Sains Setiu di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Rahmat, di sini hari ini.

Yang turut hadir Ahli Parlimen Setiu, Che Mohamad Zulkifly Jusoh; Ahli Dewan Undangan Ne-

geri (ADUN) Langkap, Datuk Sabri Mohd. Noor dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Akademi Sains Malaysia, Hazami Habib.

Duta Sains dipilih dalam kalangan mereka mempunyai minat mendalam di bidang sains dan keupayaan mereka untuk membimbing kelompok sasar akan dipertingkatkan melalui siri kursus dan latihan.

Ramzah berkata, pihaknya memberi jaminan program Duta Sains itu akan diperluaskan ke kawasan Parlimen di seluruh negara sekiranya projek rintis yang sedang dilaksanakan di empat kawasan Parlimen mendapat sambutan.

Bagi tujuan itu, jelasnya, pihaknya dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia akan menyediakan kertas kerja termasuk mengumpul data berkaitan sebelum menaik taraf program Duta Sains ke peringkat nasional.



RAMZAH DAMBUL (kanan) melihat pelajar menggunakan alat memotong ciptaan mereka sempena Karnival Sains Setiu Bagi Program Inovasi Sosial MOSTI - Duta Sains Setiu, Terengganu, semalam. - UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH

Paras air Empangan Timah Tasoh bertahan

KUALALUMPUR - Paras air di Empangan Timah Tasoh yang membekalkan keperluan air untuk penduduk dan pertanian di Perlis, masih belum di tahap kritikal.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man berkata, operasi pembenihan awam akan dilakukan sekiranya empangan itu turun ke tahap kritikal.

"Paras air di empangan berkenaan ketika cuaca panas melampau melanda negara ketika ini ialah pada paras 26 meter. Paras kritikal bagi empangan seluas 13.3 kilometer persegi itu ialah 25 meter," katanya selepas menyempurnakan majlis pelancaran Perlis Marathon 2016 di The Square, Publika Mall, semalam.

"Maklumat diperolehi dari Jabatan Meteorologi menjangkakan cuaca panas ini akan berakhir pada penghujung April dan kita berharap paras air di Empangan Timah Tasoh mampu bertahan sehingga tempoh itu," katanya.

Empangan Timah Tasoh yang beroperasi sejak 1992, menyalurkan 58,000 meter padu air sehari untuk kegunaan domestik dan kira-kira 532,000 meter padu lagi untuk keperluan pertanian di seluruh Perlis.

Azlan berkata, kali terakhir Perlis melakukan pembenihan awan pada penghujung April 2014, kerana mengalami cuaca panas dalam tempoh yang panjang.

Beliau berkata, fenomena El Nino ketika ini juga menyebabkan pengeluaran mempelam Harum Manis yang popular dari negeri itu berkurangan.

"Musim Harum Manis biasanya bermula awal April, namun cuaca panas pada masa ini menyebabkan hasil tanaman merosot sekali gus kenaikan harga berlaku kerana permintaan pasaran melebihi pengeluaran," katanya.

Mengenai Perlis Marathon 2016, seramai 5,000 peserta dari dalam dan luar negara dijangka menyertai program berkenaan yang akan diadakan pada 29 Mei depan.

Sebanyak lapan kategori dipertandingkan dengan menawarkan hadiah keseluruhan RM488,040. - *Bernama*

Kemarau beri kesan pada pertanian



Hab Pertanian
Oleh Datuk Ahmad Zakaria Mohamad Sidek
Ketua Pengarah Pertanian Malaysia
JABATAN PERTANIAN

MUSIM kemarau secara amnya ditakrifkan berlaku apabila purata hujan bulanan kurang daripada 50 milimeter.

Bagi membantu perancangan pertanian negara, Jabatan Pertanian telah membangunkan Peta Indeks Hujan Pertanian untuk menunjukkan kawasan yang mengalami musim itu.

Di Perlis, sebahagian besar di utara Kedah dan Pulau Langkawi, musim keringnya bermula daripada Disember hingga Mac manakala di Kelantan dan pesisiran pantai Terengganu pula musim keringnya bermula sekitar Januari hingga April.

Kemarau akan memberi kesan lebih awal di kawasan pengeluaran sayur-sayuran kerana keperluan air untuk tanaman adalah tinggi kecuali ia terletak di kawasan yang mempunyai bekalan sumber air yang berterusan. Diikuti dengan tanaman buah-buahan tidak bermusim seperti betik, pisang, nanas, jambu batu, belimbing dan nangka.

Tanaman buah-buahan bermusim seperti durian, mangga, rambutan dan duku akan terkesan jika musim kemarau berpanjangan.

Begitupun, kawasan yang mempunyai sistem pengairan daripada sumber air seperti telaga, kolam, takungan air dan telaga tiub, pengeluaran hasil tanaman dapat dikekalkan

seperti biasa.

Kesan kemarau dijangka bertambah buruk sekiranya sayur-sayuran atau buah-buahan itu ditanam di atas tanah berpasir, tanah gambut yang mudah mengering, tanah aluvium laut yang ada lapisan masam asid sulfat serta tanah-tanah bukit yang terlalu gembur atau tanah laterit.

Pengeluar utama

Kini, pengeluaran sayur-sayuran di negara ini hampir mencukupi keperluan untuk penggunaan tempatan baik di tanah pamah dan tanah tinggi.

Pengeluaran sayur-sayuran adalah dianggarkan sebanyak 3,500 tan metrik sehari dari kawasan pengeluaran utama.

Pada 2015, seluas 76,363 hektar tanah telah diusahakan untuk mengeluarkan 1,593,744 tan metrik setahun daripada pelbagai jenis sayur-sayuran.

Johor, Pahang, Kelantan, Perak dan Selangor merupakan kawasan pengeluaran sayur-sayuran utama di Semenanjung Malaysia.

Kawasan Cameron Highlands, Pahang dan Lojing, Kelantan merupakan satu-satunya kawasan pengeluaran jenis tanaman sayur-sayuran tanah tinggi manakala sayur-sayuran jenis tanah pamah banyak ditanam di kawasan bekas lombong, tanah gambut, tanah berpasir dan tanah aluvium sungai.

Kawasan itu terletak di daerah Hulu Selangor, Bentong (Pahang), Kinta dan Batang Padang (Perak) serta Ledang dan Kluang di Johor.

Kebelakangan ini, taburan hujan didapati tidak menentu dan di luar jangkaan.



PENYEDIAAN telaga antara langkah untuk meningkatkan sumber air sepanjang musim kemarau. - Gambar hiasan

Menurut analisa Jabatan Meteorologi, musim kemarau pada tahun ini dijangka berlaku dari Disember 2015 sehingga April 2016 dan beberapa kawasan seperti Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sabah menerima kesan kemarau paling lama berbanding negeri lain.

Walaupun kesan kemarau tidak seteruk berbanding tahun 2014, sekiranya musim kering berlanjutan, bimbang ia akan menjejaskan serba sedikit pengeluaran tanaman sayur-sayuran.

Pengeluaran

Mengikut maklumat daripada Persatuan Pekebun Sayur-Sayuran Malaysia dan Pegawai Pertanian Kawasan, majoriti kawasan sayur-sayuran masih mampu mengekalkan pengeluaran sayur-sayuran dengan menggunakan sumber air sedia ada seperti lombong, sungai, kolam dan telaga tiub.

Bagaimanapun, sekiranya cuaca kemarau berlanjutan sehingga Mei dan sumber air berkurangan, hasil dijangka

menurun sehingga 15 hingga 20 peratus.

Tanaman buah-buahan tidak bermusim seperti betik, pisang, nanas, jambu batu, belimbing dan nangka walaupun sensitif kepada kesan kemarau berpanjangan, pengeluaran sepanjang tahun dapat diteruskan.

Ini kerana, kawasan pengeluaran utama terletak di negeri-negeri yang kurang terjejas dengan kemarau seperti Pahang, Selangor dan Johor.

Tanaman buah-buahan bermusim seperti durian, mangga, rambutan dan duku akan terkesan sekiranya tempoh musim kering berpanjangan.

Begitupun, tanaman seperti mangga memerlukan musim kemarau untuk membantu pengairan bunga seperti mangga harum manis di Perlis.

Tanaman buah-buahan bergetah seperti duku, nangka, manggis dan cempedak juga tahan keadaan cuaca kering. Pokok durian ketika ini dalam peringkat berbunga di Perak, Johor dan Pahang.

INFO

Langkah-langkah kawalan ketika kemarau

1. Meningkatkan kecekapan menyalurkan air dari puncanya ke dalam kebun pengusahaan sayur-sayuran melalui penggantian pam dan paip saluran yang lama.
2. Meningkatkan kapasiti kolam-kolam takungan di dalam kebun petani.
3. Menyediakan telaga dalam untuk sumber air yang berterusan.
4. Menyediakan tangki untuk simpanan air hujan untuk kegunaan pengairan.
5. Meminimumkan penggunaan air menggunakan sistem pengairan titis dan peniup wap terutamanya untuk sayur-sayuran daun.
6. Menambah penggunaan bahan organik terutama semasa penyediaan tanah. Bahan organik berfungsi untuk menambah kapasiti pegangan air tanah.
7. Penggunaan sungkupan terutamanya daripada bahan organik untuk mengurangkan sejatan air tanah yang berlebihan.

PENYELENGGARAAN parit dan kolam adalah penting dalam meningkatkan kapasiti takungan air.





DNA siasat asal usul

■ 37 tan beras import seludup dirampas dari gudang tak berlesen

Hayati Ibrahim
ya_t@hmetro.com.my

Putrajaya

Sebanyak 37 tan beras import yang dipercayai diseludup dirampas di gudang di Klang Selangor oleh Bahagian Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), kelmarin.

Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Wan Abdul Hadi Wan Mohd Shafie berkata, beras import berkenaan dipercayai diseludup masuk ke negara ini untuk pasaran tempatan terutama di sekitar Klang.

"Bertindak atas maklumat awam, KPB menyerbu gudang berkenaan kelmarin selepas diintip semalaman

oleh pasukan penguat kuasa sebelum dibuka pekerja gudang pada awal pagi untuk memindahkan guni berisi beras ke dalam lori.

"Siasatan mendapati gudang di tepi jalan itu dimiliki warga tempatan dan ia tidak mempunyai lesen sah, malah kami percaya kegiatan itu dipercayai baharu beroperasi," katanya.

Wan Abdul Hadi berkata, tiada tangkapan dibuat dalam serbuan itu, tetapi berdasarkan siasatan, pemilik gudang boleh didakwa kerana melakukan dua kesalahan mengikut Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522) iaitu menjalankan aktiviti perniagaan beras tanpa lesen dan menyimpan beras di gudang tidak berlesen.

Beliau berkata, siasatan ke atas beras dirampas dijalankan, terutama dalam mengenal pasti dalang di se-

“Perkara ini senang dikesan kerana semua pemilik lesen borong perlu buat laporan bulanan, dan mereka perlu isytihar berapa banyak stok ada, jadi kita boleh baca trend jika ada sesuatu berlaku di pasaran”

Wan Abdul Hadi Wan Mohd Shafie

balik aktiviti ini.

"Pada masa sama, kita juga perlu membuat analisis di Jabatan Kimia untuk memastikan dari mana beras ini berasal melalui ujian asid deoksiribonukleik (DNA) terhadap beras berkenaan," katanya.

Wan Abdul Hadi berkata,

biasanya pemborong meningesan sesuatu berlaku dalam pasaran apabila beras dijual tidak habis, sedangkan stok dikeluarkan sama seperti bulan sebelumnya.

"Apabila pasaran terganggu sudah tentu peniaga yang berlesen terkesan, kerana biasanya beras dia (pemborong) ada peniaga ambil (untuk dijual), tetapi apabila ada sumber baharu (dipercayai dari penyeludup) beras dari pemborong ini tidak terjual.

"Perkara ini senang dikesan kerana semua pemilik lesen borong perlu membuat laporan bulanan, dan mereka perlu isytiharkan berapa banyak stok ada, jadi kita boleh baca trend jika ada sesuatu berlaku di pasaran," katanya.

Ini kerana, katanya beras bahan kawalan yang pergerakan stoknya boleh diketahui dengan mudah.